



Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

بربادان كمالوان اقتصادي كلالنت

Bil. 4/2004

Okt - Dis 2004 / Syaaban - Zulkedah 1425H

Edaran PERCUMA

Misi Khas Perhubungan dan Pelaburan Antarabangsa Kelantan ke ibu negara Republik China pada 20 Nov hingga 25 Nov 2004 yang lalu berjaya membuka lembaran baru apabila syarikat gergasi China dalam bidang perlombongan berminat melabur dalam sektor tersebut di Kelantan. Misi tersebut yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia Negeri Kelantan, Yang Berhormat Hj Zulkifli Mamat, turut disertai oleh PKINK yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Hj. Hanifa Ahmad dan Penolong Pengurus Projek dan Hartanah, En. Mohd Shah Abd Kadir.

Rombongan delegasi juga disertai oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia, Yang Berhormat Hj Buniamin Hamzah, Pengarah Tanah dan Gallian Kelantan, Hj Kamarulzaman Mohamad, Pengarah MIDA Kelantan, Pn Hasriah Salleh dan Pengurus Pusat Pelaburan Negeri, Dr Nazmi Ghazali Azmi serta beberapa orang usahawan Kelantan.

Dalam misi khas tersebut, syarikat China Nonferrous Metal Mining & Construction (Group) Co. Ltd (CNMC) telah menandatangani MOU dengan Kerajaan Negeri Kelantan dan PKINK bagi membangun industri perlombongan di Kelantan pada 22 November 2004. MOU yang ditandatangani tersebut membabitkan pelaburan dalam perlombongan bijih besi di kawasan seluas 1000 ekar di Temangan, Machang dan 30,000 ekar bagi aktiviti dan kerja-kerja canggi perlombongan emas dan galian lain di kawasan Blok Sokor milik PKINK.

Majlis bersejarah itu disaksikan anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri, Haji Hosam Musa, Datu' Annuar Tan Abdullah dan Dr Nik Mazlan Nik Mohamad serta pegawai kanan dari CNMC. Syarikat terbabit diwakili Presidennya, Zhang Jian, manakala Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia, Haji Zulkifli Mamat dan Pengarah Pejabat Tanah & Gallian Kelantan bagi pihak

PKINK

BUKA LEMBARAN BARU MELALUI MISI PERDAGANGAN KE CHINA



Kerajaan Negeri Kelantan serta Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Hj. Hanifa b. Ahmad bagi pihak Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

Perlombongan besi di Temangan akan dibuat dalam bentuk pajakan untuk tempoh 66 tahun. Zulkifli berkata, tumpuan kerjasama dua hala dalam bidang perlombongan dibuat memandangkan pengalaman syarikat berkenaan yang begitu mejuas dan hubungan sejarah lama di antara Kelantan dan China.

"Kita membuka peluang kepada pelabur terbabit untuk menjalankan aktiviti di Kelantan", Zhang berkata. Lembaga

Pengarah Syarikat berkenaan akan bemesyuarat secepat yang mungkin bagi memenuhi tawaran yang dibuat oleh kerajaan Kelantan. Menurutnya, peluang di Kelantan lebih dekat berbanding kegiatan pelaburan yang dijalankan di Zambia, di Benua Afrika.

CNMC adalah salah sebuah syarikat ternama mengusahakan bidang perlombongan di China dan 30 buah negara di seluruh dunia seperti Chile, Zambia, Finland, Mesir, Kuwait, Russia, Indonesia, Thailand, Vietnam, Filipina, Mongolia dan lain-lain. Syarikat berkenaan kini sedang menjalankan dasar "pergi ke luar" bagi mengembangkan syarikat perniagaannya. Sehingga kini, syarikat tersebut sudah melaburkan lebih USD 300 juta dalam bidang tersebut.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PKINK, Hj. Hanifa Ahmad dalam lakimatnya berhubung potensi kerja-kerja perlombongan sumber mineral di Kelantan, berkata, selain bijih besi, Kelantan juga kaya dengan sumber galian emas. Katanya, sehingga kini terdapat dua kawasan yang mempunyai banyak sumber galian tersebut iaitu di Pulau Gua Musang seluas 612 km persegi dan Sokor Tanah Merah seluas 976 km persegi.

Selain itu katanya, terdapat galian yang boleh dibuat marmar jeltu di Gua Air Utara dan Gua Air Selatan di mana kegiatan melombong dijangka beroperasi sehingga tahun 2052. Kawasan Kelantan Selatan juga dikenali kaya dengan pelbagai sumber galian yang dianggarkan mencekupi kawasan seluas 30 ribu ekar.



Fikrah Editor

MUHASABAH DIRI DAN MERENUNG KEMBALI TINDAKAN

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bertemu lagi dalam Berita PKINK kali keempat untuk tahun 2004 ini. Kita telah sampai ke penghujung tahun 2004 dan akan menghadapi tahun baru masihi 2005. Sesungguhnya penghujung tahun 2004 meninggalkan satu peristiwa yang cukup besar dan bersejarah bagi seluruh rakyat Malaysia amnya.

Setelah negeri Kelantan dilanda banjir besar dalam tempoh 20 tahun sehingga menyebabkan operasi perniagaan di bandar Kota Bharu terhenti selama lebih 3 hari, negara dikejutkan pula dengan musibah dan bencana yang menimpa rakyat di negeri utara Semenanjung akibat dari gempa bumi di kepulauan Sumatera yang mewujudkan ombak besar tsunami. Bukan sahaja rakyat di negara ini, malahan rakyat negara jiran yang serumpun di Aceh Sumatera dan di Thailand menerima kesan yang cukup dahsyat sehingga membawa kemusnahan yang amat besar. Kita tidak mampu membuat tafsiran dan hanya memanjatkan doa dan harapan kepada Tuhan pencipta alam yang telah menurunkan ujian yang begitu hebat kepada hambaNya.

Dalam saat kita menghadapi musibah dan ujian tersebut, Sidang Editor ingin mengambil peluang untuk mengingatkan semua anggota kumpulan Perbadanan mengenai gerak kerja dan tindakan kita sepanjang tahun 2004. Dalam tempoh tersebut, sejauhmana tugas dan amanah telah kita laksanakan untuk memajukan PKINK ke arah yang lebih cemerlang. Adakah segala perancangan yang kita jadualkan tercapai dan terlaksana sepenuhnya dan memenuhi kehendak dan tuntutan sebagaimana prinsip-prinsip Ubudiah, Mas uliah dan Itqan. Sesungguhnya, proses muhasabah dan menilai diri serta tindakan amat perlu dalam memastikan anggota PKINK dapat meningkatkan kecekapan dan prestasi dari masa ke semasa bagi memastikan PKINK terus komited dan unggul sejajar dengan motonya Penggerak Pembangunan Ummah dan mendokong teguh misi korporatnya.

Sidang Editor juga ingin merakamkan penghargaan kepada anggota yang menamatkan perkhidmatan dengan PKINK sama ada yang bersara wajib atau bersara pilihan. Sumbangan dan jasa anda sekalian selama berkhidmat dengan PKINK tidak akan dilupakan dan semoga mendapat ganjaran dari Allah S.W.T. Kepada anggota baru yang memulakan karier dan khidmat di PKINK, salam silaturrahim dan selamat datang. Semoga penyertaan anda sebagai sebahagian daripada keluarga PKINK membawa komitmen dan usaha yang ikhlas dalam memikul amanah dan tanggungjawab ke arah menyumbang untuk kemajuan dan kejayaan PKINK khasnya.

Tahun 2004 yang berlalu boleh menjadi titik perbandingan dan pengukur bagi semua tindakan dan gerak kerja kita dalam usaha menjadikan PKINK terus utuh dan lebih cemerlang pada masa-masa hadapan. Sekian.

Sidang Editor

Penaung

YABrs. Tuan Hj. Hanifa Ahmad

Penasihat

YBrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

Ketua Editor

YBrs. Mohd Fauzi Hj. Taib

Penolong Editor

En. Mohd Roslan Mohd Zain

Pn. Sofia Aizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

Pengarang

Pn. Hawa Md. Salleh

En. Rosdi Said

YM. Tengku Petra Tengku Wook

En. Zainul Amin Mat Zin

En. Mohd Ramli Hamzah

Jurufoto

En. Mohd Ghazali Mahmood



Benta Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan,
Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,
Jalan Tengku Maharani,
Peti Surat 142,
15710 Kota Bharu,
Kelantan.

Dicetak oleh:

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Lot 13 A-D, Kaw. Perindustrian Mara Fasa III,
Jalan Padang Tembak, Pengkalan Chepa,
16100 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-7713141 Fax: 09-7713142

RUANGAN BERITA

PKINK

GIATKAN USAHA LAHIR USAHAWAN BELIA BERTERASKAN ISLAM

Kerajaan Negeri Kelantan melalui PKINK sentiasa berusaha melahirkan ramai usahawan di kalangan belia di negeri ini yang mempunyai kemahiran dalam aspek keusahawanan berteraskan Islam. Usaha tersebut digerak memandangkan ramai golongan terbabit di Kelantan berminat menceburi bidang berkenaan tanpa mengharap budaya makan gaji semata-mata.

Sehubungan itu, Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK dipertanggungjawabkan untuk melahirkan lebih ramai golongan belia yang berkemahiran dalam bidang keusahawanan. Bagi mencapai matlamat tersebut, Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK mengadakan Kursus Usahawan Belia Kelantan pada 4 hingga 6 Disember 2004 lalu bertempat di Kompleks Balai Islam Lundang, Kota Bharu. Ia dirasmikan oleh Yang Berhormat Hj Zulkifli Mamat, Exco Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia Kerajaan Negeri Kelantan.

Dalam ucapan perasmian, beliau banyak menyentuh mengenai usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan ekonomi negeri melalui usaha menarik pelabur luar negara. Beliau juga berkata, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha merangka pelbagai program untuk usahawan di Kelantan, bukan saja melalui kursus dan latihan, malahan melalui penyediaan ruang niaga dan juga kemudahan sokongan yang lain.

Kursus selama 3 hari 2 malam tersebut merupakan kursus asas atau kursus persediaan untuk para belia yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan atau mengorak langkah lebih



jauh iaitu menerokai bidang keusahawanan. Kursus ini juga bertujuan membantu meningkatkan penyertaan belia dari seluruh negeri Kelantan dalam bidang perniagaan. Ia mendapat sambutan yang amat membe-rangsangkan dimana seramai 67 orang

peserta yang sebahagian besarnya dari kalangan siswazah telah menyertainya.

Antara modul yang didedahkan kepada para peserta ialah merangkumi kaedah-kaedah untuk mengenaipasti dan memilih peluang-peluang perniagaan, pengurusan usahawan berkualiti, Islam dan perniagaan, perakaunan perniagaan, rancangan pemasaran, penyediaan rancangan perniagaan dan pembiayaan pinjaman perniagaan.

Kursus yang dianjurkan kali ini telah mendapat sokongan dan kerjasama penuh dari Smart Solution Enterprise salah sebuah syarikat konsultansi yang telah membekalkan penceramah-penceramah yang mahir dan berkaliber mengikut topik-topik yang telah disampaikan. Kelangsungan yang ketara ialah para peserta yang melahirkan rasa puas hati mereka kerana telah memperolehi ilmu serta maklumat-maklumat yang amat berguna yang dapat dijadikan asas dan panduan bagi menceburi bidang perniagaan.

Sebagai perangsang untuk menyemarakkan minat dan kesungguhan di kalangan peserta, dua orang usahawan yang telah menempa kejayaan, En. Nuri Bakhtiar Shah Idris Pengarah Urusan Syarikat Makhbaz Al-Amin Food Industries Sdn. Bhd dan Encik Mohd Rusli Abdullah, Pengurus East Computech Sdn. Bhd telah diundang untuk menyampaikan ceramah dan berkongsi pengalaman mereka dalam slot motivasi. Program penutup pada hari terakhir ialah majlis penyampaian sijil penyertaan oleh wakil Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) PKINK.

RUANGAN BERITA

SEMINAR

PERNIAGAAN FRANCAIS PERINGKAT ZON TIMUR PNS-PKINK METRAI MOU FRANCAIS

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dengan kerjasama Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah berganding tenaga menganjurkan Seminar Perniagaan Francais Peringkat Zon Timur. Seminar sehari pada 14 Oktober 2004 telah diadakan di Primula Beach Resort Kuala Terengganu. Seramai tujuh puluh lima orang peserta telah menghadiri seminar tersebut.

PKINK selain daripada bertindak selaku Urusetia bersama yang mengendalikan penyertaan dari Kelantan turut menghantar dua orang anggota dari bahagian Pembangunan Usahawan. Sebelum bermulanya sesi seminar yang dirasmikan oleh YAB, Dato' Menteri Besar Terengganu, Memorandum Persefahaman di antara PNS dengan agensi-

agensi pengendali francais membabitkan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka telah ditandatangani.

Sepanjang seminar ini berfungsung, sebanyak empat kertas kerja telah disampaikan oleh penceramah-

penceramah jemputan yang terdiri daripada kalangan usahawan francais yang telah berjaya. Apa yang menariknya peserta-peserta yang menghadiri seminar ini telah diberikan pendedahan serta maklumat yang begitu lengkap merangkumi kesemua aspek dalam perniagaan francais. Ianya merangkumi pengenalan tentang francais, francaisor, keperluan permulaan modal biaya, khidmat bimbingan, teknik pemasaran dan sebagainya.

Di penghujung sesi seminar tersebut, para peserta telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk mengikuti bengkel-bengkel francais yang dikendalikan oleh usahawan-usahawan francais yang telah berjaya. Menerusi bengkel-bengkel tersebut para peserta telah diberikan tawaran untuk bergiat sebagai francaisi dengan bimbingan secara langsung oleh francaisor terbabit.

SEKITAR

**PROGRAM IHYA
RAMADHAN 1425**

Program Ihya Ramadhan PKINK telah diteruskan tradisinya pada sepanjang bulan Ramadhan 1425 yang lalu. Ianya bermula pada pertengahan Syaaban dengan mengadakan ceramah khas sempena menyambut kedatangan bulan Ramadhan yang telah diadakan pada 13 Oktober 2004 dan disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Ustaz Abd. Latif Abd. Rahman dari Pondok Sungai Durian, Kuala Krai. Sebelum bermulanya ceramah, adik Ahmad Fuad Mustapha yang berumur 12 tahun dari Bangkok telah memperdengarkan bacaannya. Beliau merupakan Johan Tilawah Al-Quran peringkat negara-negara ASEAN.

Di sepanjang bulan Ramadhan, beberapa program telah diatur seperti alunan zikir munajat pada setiap pagi, solat sunat Dhuha secara berjemaah dan Tadarus Al-Quran yang dipimpin oleh ustaz-ustaz daripada Ma'ahad Tahfiz Al-Quran Pulau Chondong.

PKINK juga tidak ketinggalan memberikan sumbangan hari raya kepada anggota-anggota yang mempunyai tanggungan yang ramai dan yang tidak berkeupayaan. Sumbangan ini juga telah diagihkan kepada balu-balu bekas kakitangan PKINK.

Seperti tahun-tahun lepas majlis berbuka puasa tetap diteruskan. Pada tahun ini majlis berbuka puasa diadakan bersama anak-anak yatim di YAATIM Taman Sabariah, Pengkalan Chepa. Pada majlis itu juga PKINK telah menyumbangkan derma kepada rumah anak yatim tersebut.



DATIN NORSIAH MUSA, PENGURUS SUMBER MANUSIA



Setelah menaburkan khidmat bakti selama 22 tahun di Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Ybhg Datin Norsiah Musa, Pengurus Sumber Manusia telah menamatkan perkhidmatannya kerana persaraan pilihan. Ybhg Datin Norsiah Musa dilahirkan pada 14 Januari 1956 di Ipoh, Perak.

Beliau telah menamatkan pengajian dalam jurusan Master Of Bussines

Administration, Louision USA 1981, Bachelor Of Art (Mathematic), Carbondale USA 1979 dan memulakan khidmat sebagai Pegawai Tadbir di PKINK bermula tahun 1982 hingga 1986. Mulai tahun 1986, beliau dipinjamkan ke Permodalan Kelantan Berhad dan berkhidmat selama 6 tahun sehingga 1992. Pada tahun 1992, beliau dilantik sebagai Penolong Pengurus Bahagian Perancangan & Penyelidikan Korporat di



YB Dato' Mohamad Fatmi Che Salleh, anak jati Kelantan. Beliau telah dikumiakan enam cahaya mata, empat lelaki dua perempuan.

Beliau juga aktif dalam program yang dianjurkan oleh badan kerajaan mahupun swasta. Pihak pengurusan dan warga kerja PKINK mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas jasa dan bakti yang telah ditaburkan oleh beliau dan diucapkan "Selamat Maju Jaya".



PKINK sehingga tahun 1994. Selepas itu, dipinjamkan ke Hotel Perdana Sdn Bhd sehingga tahun 1999 sebelum kembali bertugas di PKINK sebagai Pengurus Galakan Industri & IKS dari tahun 1999 hingga 2003. Mulai Januari 2003, beliau telah diamanahkan sebagai Pengurus Sumber Manusia PKINK dan berkhidmat sehingga 31 Disember 2004 di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

Telah diper-temukan jodoh dengan



Musim tengkujuh yang melanda Kelantan Disember lalu sehingga menyebabkan sebahagian besar bandar Kota Bharu ditenggelami air sedalam 0.5 hingga 2 meter selama 3 hari merupakan yang paling besar dalam tempoh 20 tahun. Pusat-pusat perniagaan, pejabat-pejabat Kerajaan termasuk Hospital Kota Bharu dinaiki air sedalam 1 hingga 2 meter sehingga memaksa Tenaga Nasional Behad (TNB) memutuskan bekalan elektrik. Ini menyebabkan sebahagian besar pejabat Kerajaan di bandar Kota Bharu seperti Majlis Perbandaran Kota Bharu, Pejabat Pelajaran Negeri, Pejabat Tanah dan Jajahan serta PKINK terpaksa ditutup.

PKINK

DILANDA BANJIR

Bangunan PKINK, yang menempatkan ibu pejabat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan yang terletak di Jalan Tengku Maharani turut ditutup selama 3 hari berikutan dinaiki air sedalam 1.5 meter. Walau bagaimana pun, tiada sebarang kerosakan harta benda yang dialami oleh pihak PKINK selama tempoh banjir tersebut memandangkan pihak pentadbiran sudah mengambil langkah berwaspada sejak awal bagi memindahkan semua kenderaan perbadanan ke tempat lebih selamat.



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**SERTAI PESTA BUDAYA SENI,
PAMERAN DAGANG & INDUSTRI
(PEDATI-V) 2004
DI BUKIT TINGGI, SUMATERA BARAT,
REPUBLIC INDONESIA**

Kerajaan Negeri Kelantan telah menyertai Pesta Budaya Seni, Pameran Dagang dan Industri (PEDATI) kali ke-5 pada 1 hingga 12 Oktober tahun 2004 di Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Republik Indonesia.

Pesta Budaya Seni, Pameran Dagang & Industri (PEDATI-V) telah dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan dan Pariwisata Republik Indonesia dan majlis penutupnya telah diadakan di Lapangan Wirabraja Bukit Tinggi. Jalan Sudirman dan lanya telah disempurnakan oleh Gabenor Sumatera Barat.

Antara tujuan utama menyertai PEDATI adalah untuk memupuk kehidupan bermasyarakat dengan tujuan mewujudkan suasana kekeluargaan yang sihat dan dinamis serta memperkukuhkan rasa persatuan dan kesatuan antara etnik.

Delegasi yang turut serta ke PEDATI terdiri daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pusat Penerangan Pelancongan Negeri (TIC) dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

Delegasi Kerajaan Negeri Kelantan membawa misi untuk memperkenalkan produk-produk makanan seperti jus roselle, keropok, serunding, dodol, ikan bilis pedas, popia kecil, kaften lukis, jacquard pasang, baju batik lelaki dan sebagainya.

Anggota-anggota delegasi ke PEDATI telah dibahagikan kepada empat kumpulan :

Kumpulan pertama (29 September 2004)

1. YB Drs. Zainuddin bin Awang Hamat (Wakil Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Perpaduan Masyarakat)
2. Dr. Hj. Nazmi bin Ghazali Azmi (Pengurus Pusat Pelaburan Negeri)



3. Asmadi bin Abd. Rahman (PKINK)
4. Ismail Shauki bin Ibrahim (PKINK)
5. Sofia Aizan bin Che Soh (PKINK)

Kumpulan Kedua (1 Oktober 2004)

1. YB Dr. Nik Mazlan bin Nik Mohamad (Wakil Menteri Besar)
2. Hj Suhane bin Ibrahim (Wakil Ketua Eksekutif PKINK)
3. Che Gayah bt Jaafar (Wakil Yang Dipertua MPKB)
4. Nik Haney bt Nik Hashim (TIC)
5. Zaila bt Hassan (TIC)
6. Yasok bin Haron (TIC)
7. Mohammad bin Haron (TIC)
8. Noorha bt Mohd Zain (PKINK)



Kumpulan Ketiga (8 Oktober 2004)

1. Azman bin Awang (UPEN)-Pegawai Urusetia II)
2. Amad Nazri bin Ismail (PKINK)
3. Rusli bin Ismail (PKINK)
4. Ahmad Hilmi Mohd Nawawi (PKINK)
5. Nik Noorazita bt Abd. Jalil (PKINK)
6. Wan Zuwaibah bt Wan Isa (PKINK)

Kumpulan Keempat (10 Oktober 2004)

- Rombongan kebudayaan dari TIC

Dalam pada itu, rundingan kerjasama peringkat awal untuk mewujudkan program Bandar Berkembar Kota Bharu dan Bukit Tinggi telah dibincangkan bersama oleh YB Drs. Zainuddin bin Awang Hamat dengan Drs. H. Khairui selaku wakil Walikota Bukit Tinggi dan pada dasarnya mencapai beberapa persefahaman. Di samping itu, delegasi Kerajaan Kelantan juga bersedia menjemput Delegasi Walikota untuk berkunjung ke Kota Bharu dan menyertai acara-acara persembahan berteraskan kebudayaan, kesenian, serta pameran produk-produk tempatan pada tarikh yang akan ditentukan kelak.

Penyertaan delegasi Kelantan ke PEDATI, telah mendatangkan banyak faedah dari segi memperkenalkan negeri ini sebagai destinasi pelancongan dan membuka ruang-ruang kerjasama perdagangan di antara peniaga-peniaga kedua-dua negeri. Ia juga telah mencetuskan suatu rasa persaudaraan dan ikatan di antara dua negeri serumpun.



SIMPtom

SERANGAN TROJAN

Menurut syarikat keselamatan Internet, program Trojan Horse tidak boleh menyalin dirinya, tetapi ia boleh memusnahkan atau mengancam keselamatan komputer pengguna. Pada dasarnya, program ini tidak boleh menghantar dirinya, tetapi individu tertentu seperti penggodam ('hacker') boleh mengirimnya melalui e-mel kepada komputer anda. Jika komputer anda mengalami gejala berikut, ada kemungkinan ia telah dijangkiti.

- Banyak Trojan memiliki keupayaan membuka dan menutup dulang ('tray') CD-ROM komputer anda. Trojan seperti Netbus dan SubSeven merupakan trojan popular yang membolehkan perintah seperti ini.
- Apabila anda berjaya dijangkiti Trojan, penggodam boleh menjadikan skrin komputer anda berkelip, diterbalikkan ke bawah, atau tunggang-langgang supaya apa sahaja yang dipaparkan menjadi terbalik.
- Penggodam yang menggodam secara terang-terangan mungkin mampu mengubah latar 'desktop' atau 'wallpaper' yang telah anda tetapkan. Ini biasanya boleh dilakukan dengan menggunakan gambar yang ditemui pada komputer anda atau yang dipindahkan ('upload') oleh penggodam kepada komputer anda.
- Jika penggodam memiliki capaian penuh terhadap komputer anda, mereka boleh mengakses pencetak anda dan mencetak mesej-mesej peribadinya atau mencetak dokumen yang ditemui dalam folder anda.
- Trojan juga membolehkan penggodam untuk melancarkan atau menggunakan pelayar Web dan pergi ke mana-mana laman Web yang mereka pilih dari awal - penggodam menentukan laman tersebut.
- Trojan yang berjaya menjangkiti komputer pengguna membolehkan penggodam mengubah keetapan warna Windows. Mereka mungkin menukarkan warna itu menjadi sebarang warna yang mereka pilih.
- Penggodam boleh menetapkan 'screen saver' anda agar menayangkan mesej peribadinya kepada anda.
- Penggodam boleh menukarkan fungsi butang tetikus. Contohnya,

dengan mengklik butang kanan akan memaparkan apa yang boleh dilakukan dengan mengklik butang kiri dan begitulah sebaliknya.

- Kadangkala tetikus dimatikan terus. Apabila ini berlaku, ikon 'anak panah' tetikus boleh lenyap terus.
- Penggodam boleh mengawal penunjuk tetikus anda. Contohnya mereka boleh mengklik pada ikon dan memulakan program tertentu seolah-olah mereka duduk di atas kerusi yang berdepan komputer anda.
- Penggodam boleh mengubah konfigurasi tetikus anda agar ia meninggalkan jejak apabila digerakkan.
- Jika anda mempunyai mikrofon yang sedang dihubungkan kepada komputer anda, maka penggodam boleh merekod dan mendengar apa yang berlaku di dalam bilik anda. Kadangkala, penggodam mampu untuk memainkan kembali fail-fail bunyi apabila mereka mengetahui anda berada dalam bilik tersebut.
- Kadangkala penggodam mampu menggerakkan pelaras bunyi (volume) untuk menarik perhatian anda.
- Penggodam boleh menjadikan butang Start Windows anda tersembunyi dari pandangan mata anda.
- Apabila telah dijangkiti Trojan, penggodam boleh mematikan atau memulakan program pada komputer anda. Selalunya perisian anti-virus akan dikeluarkan, kemudian komponennya diubah atau dipadam.
- Sesetengah Trojan mengizinkan penggodam menaip apa yang mereka hendak perkatakan kepada anda melalui kekotak, kemudian menjadikan komputer itu seperti 'bercakap' dengan anda. Jika kamera Web dan mikrofon turut digunakan, mereka mungkin boleh melihat gelagat dan mendengar suara anda.
- Anda jangan terkejut, jika ada penggodam yang boleh mengarahkan komputer anda agar memberitahu kandungan teks di dalam 'clipboard' anda dan menyisipkan teks baru/lain ke dalam

clipboard tersebut.

- Trojan boleh mengizinkan penggodam menampilkan kekotak sembang - warna hitam, bersegi empat - pada ketika di mana anda tidak boleh berbuat apa-apa melainkan menaip ke dalam kekotak tersebut. Penggodam mungkin membalasnya kembali, atau sekadar membiarkan kekotak itu untuk menghalang anda daripada mengakses program komputer dan memperkecilkan tindakan yang anda cuba lakukan.
- Komputer anda mungkin menghasilkan kekotak amaran atau soalan asing. Selalunya, ini berupa mesej peribadi yang ditujukan kepada anda dan pertanyaan dengan pilihan Yes atau No atau OK untuk diklik.
- Anda mungkin pernah menerima aduan daripada pihak ISP (pembekal yang menyediakan perkhimatan Internet) yang mendakwa bahawa komputer anda mengalami pengimbasan IP (Internet Protocol). Jadi, penggodam boleh menggunakan komputer anda untuk menyerang, menghantar e-mel atau mengimbas komputer lain yang dijangkiti. Kemudian, anda barangkali menerima e-mel dari pembekal khidmat Internet yang mengingatkan anda bahawa akaun anda akan dimatikan jika aktiviti tersebut diteruskan.
- Penggodam boleh memperoleh maklumat peribadi mengenai diri anda dengan membaca dokumen-dokumen tertentu pada komputer anda seperti resume, rekod kewangan, surat peribadi, dan sebagainya. Ketika berbual dengan anda, penggodam itu mungkin memberitahu anda bahawa mereka mengetahui alamat rumah anda, nombor telefon anda, nama anak-anak anda, atau maklumat lain sebagai cubaan untuk mendapatkan penghormatan atau sekadar menakutkan anda dengan beberapa cara. Penggodam secara terang-terangan mungkin cenderung menyebabkan beberapa kerosakan apabila mereka selesai 'mempermainkan' anda.
- Jadi pastikan komputer anda menggunakan perisian penghalang yang sesuai dan mengubah semua kata laluan, bagi menghalang

SELAMAT DATANG ANGGOTA-ANGGOTA BARU PKINK

1. 

Nama : **Mohd Johan b. Mohd Nasir**
 Kad Pengenalan : 791203-03-5793
 Jawatan : Penolong Akauntan
 Penempatan : Bhg. Audit Dalam & Naziran

2. 

Nama : **Nor Azimah bt Mat Noor**
 Kad Pengenalan : 800829-11-5332
 Jawatan : Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
 Penempatan : Bhg. Khidmat Teknikal

3. 

Nama : **Mohd Tamrin b Ismail**
 Kad Pengenalan : 750530-03-5175
 Jawatan : Pembantu Am Rendah
 Penempatan : Bhg. Pengurusan Sumber Manusia

Kami warga PKINK mengucapkan "SELAMAT MAJU JAYA".

PENYUSUNAN ANGGOTA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SERTA KUMPULAN SOKONGAN PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN PADA TAHUN 2004

BIL	NAMA	DARIPADA	KEPADA
1	En. Mohd Fauzi bin Hj. Taib	Bhg. Industri & IKS	PSM
2	En. Rusli Ismail	PSM	Bhg. Pem. Usahawan
3	En. Mohd Roslan Mohd Zain	Bhg. Pem. Usahawan	PSM
4	Teh Mariam Mohamed	Bhg. Perancangan Korporat	Bhg. Industri & IKS
5	En. Jasni Yusoff	Bhg. Industri & IKS	Bhg. Kewangan
6	En. Nik Ayub Nik Him	Bhg. Kewangan	Bhg. Industri & IKS
7	En. Aziz Mahmud	Bhg. Projek & Hartanah	Bhg. Perancangan Korporat

...sambungan dari muka B

- mereka mengakses komputer anda di masa depan.
- Apabila komputer dijangkiti Trojan, penggadam bukan sahaja boleh melihat apa yang anda taipkan, malah setiap mesej yang dihantar menerusi program ICQ, IRC, AIM dan Yahoo Mesenger. Jika seseorang bercakap dengan anda seperti tahu apa yang anda perkatakan dengan pengguna lain secara persendirian atau sulit ketika menggunakan satu daripada

- program sembang di atas, maka anda mungkin dijangkiti.
- Sekiranya anda menghubungkan kamera Web, penggadam mungkin mampu 'menghidupkannya' tanpa anda sedari dan memantau aktiviti anda dan melihat benda-benda yang menjadi latar kamera Web itu.
 - Penggadam juga boleh mengubah masa dan tarikh pada komputer anda mengikut kehendak mereka. Selalunya ia dilakukan untuk menarik perhatian anda dan mengubahnya agar menjadi ekstrim. Mereka

- mungkin mahu menarik perhatian anda agar merujuk ketetapan masa atau tarikh pada komputer anda.
- Penggadam juga boleh mengubah ketetapan pembesar suara komputer anda agar dibuka atau ditutup
 - Jika komputer anda dijangkiti Trojan, maka penggadam juga boleh menyebabkan komputer dimatikan.
 - Selain mematikan komputer, penggadam boleh melenyapkan bahagian 'taskbar' dari pandangan mata.

YANG MEMBATALKAN

KEISLAMAN

Oleh : Dr. Yusuf Qordhowi

Setiap manusia, apabila telah mengucapkan kalimat Syahadah, maka dia menjadi orang Islam. Baginya wajib dan berlaku hukum-hukum Islam, iaitu beriman akan keadilan dan kesucian Islam. Wajib baginya menyerah dan mengamalkan hukum Islam yang jelas, yang ditetapkan oleh Al-Quran dan As-Sunnah. Tidak ada pilihan baginya menerima atau meninggalkan sebahagian. Dia harus menyerah pada semua hukum yang dihalalkan dan yang diharamkan, sebagaimana erti (maksud) dari ayat di bawah ini :

"Dan tidaklah patut bagi laki-laki yang Mukmin dan tidak (pula) bagi wanita yang Mukmin, apabila Allah dan RasulNya telah menetapkan sesuatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka...."(Q.s.Al-Ahzab:36).

Perlu diketahui bahawa ada diantara hukum-hukum Islam yang sudah jelas menjadi kewajipan-kewajipan, atau yang sudah jelas diharamkan(dilarang), dan hal itu sudah menjadi ketetapan yang tidak diragukan lagi, yang telah diketahui oleh ummat Islam pada umumnya. Yang demikian itu dinamakan para ulama: "Hukum-hukum agama yang sudah jelas diketahui". Misalnya, kewajipan solat, puasa, zakat dan larangan zina, melakukan riba, minum khamar dan sebagainya. Hal itu termasuk dalam dosa besar. Begitu juga hukum-hukum pernikahan, talak, waris dan qishash, semua itu termasuk perkara yang tidak diragukan lagi hukumnya.

Barang siapa yang mengingkari sesuatu dari hukum-hukum tersebut, menganggap ringan atau mengolok-olok, maka dia menjadi kafir dan murtad. Ini kerana hukum-hukum tersebut telah diterangkan dengan jelas oleh Al-Quran dan dikuatkan dengan hadis-hadis Nabi S.A.W. yang shahih atau mutawatir, dan menjadi ijma' oleh ummat Muhammad S.A.W. dari generasi ke generasi.

Maka, barang siapa yang mendustakan hal ini, bererti mendustakan Al-Quran dan As-Sunnah. Mendustakan (mengingkari) hal-hal tersebut dianggap kufur, kecuali bagi orang-orang yang baru masuk Islam (muaalaf) dan jauh dari sumber informasi. Misalnya berdiam di hutan atau jauh dari kota dan masyarakat kaum muslimin. Setelah mengetahui ajaran agama Islam, maka berlaku hukum baginya.

RUANGAN TAZKIRAH

WUDUK

ZAHIR DAN BATIN

Seorang ahli ibadah bernama Isam bin Yusuf, sangat warak dan khusyuk solatnya. Namun, dia selalu khawatir kalau-kalau ibadatnya kurang khusyuk dan selalu bertanya kepada orang yang dianggapnya lebih ibadahnya, demi untuk memperbaiki dirinya yang selalu dirasainya kurang khusyuk.

Pada suatu hari, Isam menghadiri majlis seorang abid bernama Hatim Al-Assam dan bertanya, "Wahai Aba Abdurrahman, bagaimanakah caranya tuan solat?" Hatim berkata, "Apabila masuk waktu solat, aku berwuduk zahir dan batin." Isam bertanya, "Bagaimana wuduk zahir dan batin itu?" Hatim berkata, "Wuduk zahir sebagaimana biasa iaitu membasuh semua anggota wuduk dengan air".

"Sementara wuduk batin ialah membasuh anggota dengan tujuh

perkara :

1. Bertaubat
2. Menyesali dosa yang telah dilakukan
3. Tidak tergilagilakan dunia
4. Tidak mencari/mengharap pujian orang(riya')
5. Tinggalkan sifat berbangga
6. Tinggalkan sifat khianat dan menipu
7. Meninggalkan sifat dengki

Seterusnya Hatim berkata "Kemudian aku pergi ke masjid, aku kemaskan semua anggotaku dan menghadap kiblat. Aku berdiri dengan

penuh kewaspadaan dan aku rasakan aku sedang berhadapan dengan Allah, Syurga di sebelah kananku, Neraka di sebelah kiriku, Malaikat maut berada di belakangku, dan aku bayangkan pula aku seolah-olah berdiri di atas titian 'Siratal mustaqim' dan menganggap bahawa solatku kali ini adalah solat terakhir bagiku, kemudian aku berniat dan bertakbir dengan baik."

"Setiap bacaan dan doa didalam solat, aku faham maknanya kemudian aku rukuk dan sujud dengan tawaduk, aku bertasyahud dengan penuh pengharapan dan aku memberi salam dengan ikhlas. Beginilah aku bersolat selama 30 tahun".

Apabila Isam mendengar, menangislah dia kerana membayangkan ibadahnya yang kurang baik bila dibandingkan dengan Hatim.

BERITA SUKAN

KEJOHANAN

**BADMINTON
TERTUTUP KELANTAN
2004**

Kejohanan Badminton Junior Kelantan 2004 telah diadakan pada 23-24 Disember 2004 bertempat di Dewan Badminton PBKN. Dalam acara beregu, pemain PKINK yang diwakili oleh Abdul Hafiz Ikmal dan Abdul Halim telah muncul Johan. Dalam perlawanan yang disertai oleh seramai 59 beregu itu menampilkan ramai pemain baru yang masing-masing berjuang secara kalah mati. Pada peringkat akhir regu Abdul Hafiz dan Abdul Halim mengalahkan regu

Wan Maizudin dan Shahril.
Kejohanan Badminton Tertutup Kelantan 2004 telah diadakan pada 30-31 Disember 2004. Sekali lagi pasangan regu PKINK

Abdul Hafiz dan Abdul Halim telah bertanding dengan seramai 33 regu pemain-pemain senior dan muncul naib johan setelah tewas pada pasangan Mohd Afiq dan Nik Azlishah. Manakala dalam acara beregu campuran, pemain PKINK Ahmad Mab'us yang berpasangan dengan Loo Hui Shan telah muncul Johan dengan mengalahkan pasangan regu Wan Marzuki Yahya dan Chong Ching di peringkat akhir.

BERITA SUKAN

KEJOHANAN

**KEROM KSK PKINK
2004**

Kejohanan kerom untuk 2004 telah bermula dengan kejohanan acara perseorangan lelaki dan berakhir dengan acara berpasukan. Dalam acara beregu dan berpasukan, penentuan regu atau pasukan

diadakan secara undian mengikut ranking yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Kecil Kerom KSK PKINK. Keseluruhan keputusan pertandingan adalah sebagaimana berikut:

ACARA	TARIKH	KEPUTUSAN
1. Perseorangan Lelaki	28/11-21/12/05	Johan : Nik Ab. Kadir Nik Husein N. Johan : Wan Azizan Wan Yaacob Ketiga : Meriam Omar Keempat : Amran Ahmad
2. Perseorangan Wanita	29/11-1/12/05	Johan : Soriatl Yaacob N. Johan : Zaiton Azahari Ketiga : Norasiah Wan Ismail Keempat : Asmah Laily Husein
3. Bergu Lelaki	12-14/12/05	Johan : Apandi Mamat/Sofian Md. Salleh N. Johan : Md. Faizal Muhd/Norhisham Ketiga : Azmadi Omar/Lazmin Che Soh Keempat : Tg. Petra Tg. Wook/Hassan Draman
4. Beregu Wanita	12-15/12/05	Johan : Zaiton Azahari/Siti Jahinah N. Johan : Norasiah W. Ismail/Nik Norazita Ketiga : Anis Ismail/Zaililah Hassan Keempat: Soriatl Yaacob/Sofia Aizan
5. Berpasukan	28-29/12/2005	Johan : Pasukan Meranti (K/Pasukan :Md. Faizal Muhd) N. Johan : Pasukan Seraya (K/Pasukan : Meriam Omar) Ketiga : Pasukan Membatu (K/Pasukan : Tg. Petra Tg. Wook) Keempat : Pasukan Merawan (K/P : Amran Ahmad)

KENANGAN 2004



Salam perpisahan Hari terakhir En. Azahari Yakob di PKNK



YBrs. Timbalan Ketua Eksekutif PKNK, Tuan Hj. Wun Adrian menyampaikan sumbangan derma kepada YAAATIM



Persaraan telefonis PKNK, En. Azahari Yakob



Majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim di YAAATIM, Tanjong Sobariah



Persiapan hamper Hari Raya untuk kakitangan PKNK



Ceramah menyambut Ramadhan oleh YBrs. Ust. Abd. Latif Abd. Rahman dari Pondok Sd. Durian



Persiapan hamper Hari Raya untuk kakitangan PKNK



Delegasi perdagangan kerajaan Negeri Kelantan dan PKNK ke China

